

06 MAY 2002

Syed Hamid-Memo

MEMORANDUM KERJASAMA BANTERAS KEGANASAN DITANDATANGANI ESOK

RAWANG, 6 Mei (Bernama) -- Malaysia, Indonesia dan Filipina dijangka menandatangani memorandum esok bagi meningkatkan kerjasama dalam usaha membanteras kegiatan keganasan terutamanya yang merentasi sempadan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata hari ini draf memorandum kerjasama itu sudah dipersetujui oleh ketiga-tiga negara dan beliau akan menandatangani bagi pihak Malaysia.

Indonesia juga akan diwakili oleh Menteri Luarnya manakala Filipina oleh seorang wakil yang bertaraf menteri, katanya.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas melawat kilang sterilisasi produk perubatan, Sterilgama Sdn Bhd di sini, beliau berkata memorandum itu akan ditandatangani sempena kehadiran Presiden Filipina Gloria Arroyo di negara ini.

Arroyo dijangka tiba di sini esok bagi membentangkan kertas kerja pada Mesyuarat Agung Antarabangsa Ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC).

Syed Hamid berkata menerusi memorandum itu ketiga-tiga negara bersependapat bahawa terdapat keperluan mendesak untuk diadakan tindakan bersepadu bagi membanteras kegiatan keganasan.

"Menerusi memorandum itu juga kerjasama pasukan keselamatan ketiga-tiga negara (bagi membantaras kegiatan keganasan) akan ditingkatkan," katanya.

Mengenai pertemuan antara Arroyo dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok, beliau berkata tiada agenda khusus yang akan dibincangkan tetapi isu membanteras kegiatan keganasan dijangka menarik minat kedua-dua pemimpin.

Syed Hamid berkata memorandum itu merupakan penggerak utama kepada kerjasama erat di kalangan negara anggota Asean dalam membanteras kegiatan keganasan, dan berharap negara anggota lain akan turut serta pada masa akan datang.

Mengulas kenyataan beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang tidak akan memberi kerjasama kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) selama 100 hari kerana tidak berpuas hati dengan suruhanjaya itu, Syed Hamid berkata Suhakam tidak perlu mematuhi kehendak NGO terbabit.

"Kalau kerajaan mengikuti segala kehendak NGO sudah pasti pentadbiran negara ini akan terhenti," katanya.

Beliau berkata NGO terbabit bukannya mewakili sebahagian besar daripada kelompok masyarakat.

"Ada setengah NGO hanya mempunyai seorang dua anggota tetapi cara mereka bercakap seolah-olah mewakili sebahagian besar masyarakat," katanya.

Syed Hamid berkata apa yang penting ialah Suhakam memainkan peranannya seperti yang digariskan dalam Akta Suhakam.

Mengenai kemalangan di Korea Utara yang turut mengorbankan sembilan rakyat Malaysia, beliau berkata kedutaan Malaysia di Beijing akan menguruskan segala urusan penghantaran pulang mayat serta mereka yang cedera ke tanah air.

Beliau berkata segala urusan yang membabitkan rakyat Malaysia di Korea Utara diuruskan oleh pejabat kedutaan Malaysia di Beijing kerana Malaysia tidak mempunyai pejabat wakil di negara itu.

Dalam kejadian dua hari lepas, sembilan rakyat Malaysia yang sedang melancong ke Korea Utara terbunuh apabila bas yang dinaiki mereka terhumban ke dalam lombong tinggal, kira-kira 40 km dari Pyongyang.

-- BERNAMA

AKT AHH NMO

